

2,000 warga Labuan meriahkan Ang Pau Nite UMS-KAL 2012

UB 06-03-2012 B7

LABUAN: Kira-kira 2,000 warga Wilayah Persekutuan Labuan telah memeriahkan Pesta Ang Pau 2012 anjuran Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan UMS-KAL) di Dewan Konvensyen, Kompleks Ujana Kewangan Labuan, malam Sabtu lalu.

Kehadiran orang ramai khasnya masyarakat kaum Tionghua membuktikan sokongan padu mereka terhadap penganjuran sebarang acara yang dikendalikan oleh pelajar dan kakitangan universiti itu.

Pada masa sama, sokongan padu mereka itu menaikkan

semangat kepada pelajar untuk terus mengadakan aktiviti yang mendatangkan manfaat kepada masyarakat setempat.

Pesta Ang Pau Nite 2012 telah dirasmikan oleh Pengarah UMS-KAL, Profesor Dr Shariff Abdul Kadir Omang. Turut hadir Pengerusi Eksekutif Noblehouse, Datuk Chin Chee Kee; Timbalan Pendaftar UMS-KAL, Zamri Mohamad Tuah dan Pengarah Program Ang Pau Nite 2012, Thong Wee Yann.

Pesta Ang Pau dimeriahkan lagi dengan persembahan nyanyian artis jemputan, tarian singa, nyanyian, orkestra dan persembahan yo-yo oleh pelajar Sekolah Menengah Kian Kok, Kota Kinabalu dan persembahan akrobatik dari China.

Pada majlis itu, lima organisasi iaitu SJKC Chi Wen, SJKC Chung Hwa, Tadika Chung Hwa, Tadika Chi

Hwa dan Jabatan Kebajikan Masyarakat menerima RM1,000 hasil jualan tiket Pesta Ang Pau 2012.

Dalam ucapannya, Prof Dr Shariff yang mewakili Naib Canselor UMS, Prof Datuk Seri Panglima Dr Kamaruzaman Ampon, berkata UMS-KAL mengalu-alukan kerjasama jabatan kerajaan, swasta, badan bukan kerajaan (NGO) dan orang perseorangan untuk menganjurkan pelbagai program yang dikendalikan oleh pelajar dan kakitangan universiti berkenaan.

Katanya, sokongan padu masyarakat tempatan terutama syarikat korporat untuk menaja program yang mendatangkan



SHARIFF (dua kanan) bersama Chin Chee Kee (tiga kanan), Zamri (dua kanan) dan Thong (kiri) merasmikan Pesta Ang Pau 2012.



THONG menyampaikan cenderamata kepada Pengarah UMS-KAL.



PENGUNJUNG bertuah menerima hadiah bertuah daripada Thong.

manfaat kepada kedua-dua pihak sangat diperlukan bagi mendekati lagi warga UMS-KAL dengan penduduk Wilayah Persekutuan Labuan.

Beliau berkata pelajar hendaklah sentiasa mengadakan program kebudayaan seperti Pesta

Ang Pau untuk membolehkan masyarakat tempatan mengenali dengan lebih dekat adat dan budaya masyarakat kaum Tionghua di negara ini.

“Sesungguhnya penganjuran Pesta Ang Pau 2012 telah berjaya mencapai matlamatnya untuk

mendekatkan masyarakat setempat dengan warga universiti khasnya pelajar berbilang bangsa dan agama di UMS-KAL,” katanya.

Prof Dr Shariff berharap pelajar akan terus menjalinkan kerjasama dengan masyarakat setempat terutama pelajar yang berasal dari Sabah, Sarawak dan Semenanjung agar mereka mengetahui

adat dan budaya masyarakat di Wilayah Persekutuan Labuan.

Beliau tidak lupa mengucapkan terima kasih kepada penaja yang terdiri daripada individu dan syarikat korporat yang menaja Pesta Ang Pau 2012 sekaligus membuktikan hubungan erat sentiasa terjalin antara mereka dengan pihak UMS-KAL.



SHARIFF (dua kiri) menyerahkan cek RM1,000 kepada Jabatan Kebajikan Masyarakat Labuan.



SEBAHAGIAN warga Labuan yang memenuhi Dewan Konvensyen Ujana Kewangan Labuan.